

**Umno Edar Risalah Program Kerajaan Kepada Orang Ramai
Bernama
13 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Risalah- risalah mengandungi fakta mengenai program-program yang dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN) dalam usaha mengurangkan beban rakyat diedarkan kepada orang ramai di sekitar ibu negara hari ini.

Ketua Penerangan UMNO Datuk Ahmad Maslan berkata risalah itu antara lain menyenaraikan Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (Prima), Kedai Rakyat 1Malaysia, Klinik 1Malaysia, Baucar Buku 1Malaysia dan subsidi petrol, gula, beras, tepung gandum dan minyak masak.

"Sebanyak 1,000 keping risalah itu telah diedarkan hari ini. Kami mahu menyalurkan maklumat berkenaan kepada masyarakat supaya mereka mendapat maklumat yang tepat dan benar mengenai program yang dilakukan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Desa Tun Razak di sini, malam Jumaat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659018>